



KENANGAN ... Cleopatra Clare (duduk, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama peserta Kursus Ketrampilan dan Imej Diri di UMS Labuan, kelmarin.

UB 7/7/2011 RB

25 kakitangan UMS-KAL hadiri Kursus Ketrampilan

LABUAN: Seramai 25 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Ketrampilan dan Imej Diri di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara, universiti itu.

Pakar perunding imej, Cleopatra Clare Asing dari MRZ Quality And Management Services, Kota Kinabalu mengendalikan kursus yang berlangsung selama dua hari

(5 hingga 6 Julai) itu, anjuran Unit Latihan, Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UMS, Kota Kinabalu.

Clare berharap kakitangan yang menghadiri kursus itu akan mengubah sikap, ketrampilan dan imej mereka sesuai dengan kedudukan mereka sebagai kakitangan sektor awam sekaligus mencerminkan imej UMS secara keseluruhannya.